

BAB 1

LATARBELAKANG

Struktur pentadbiran awam Tanah Melayu tidak banyak berubah di awal abad ke-19 walaupun sudah terdapat sedikit sebanyak pengaruh dan campurtangan British yang telahpun bertapak di pinggir Semenanjung Tanah Melayu, iaitu di Pulau Pinang, Melaka dan Singapura. Kemudian mulai 1874, pentadbiran secara langsung telah jatuh ke tangan British yang mengakibatkan tertubuhnya Negeri-negeri Melayu Bersekutu pada 1896 yang terdiri daripada Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan. Mulai 1909, keseluruhan Tanah Melayu telah diperkenalkan dengan pentadbiran British. Dari segi kuasa dan pemerintah, terdapat perbezaan di dalam proses pentadbiran di antara Negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Melayu Tidak Bersekutu yang telah jatuh kepada pengaruh British di sekitar 1909-1910. Detik inilah yang memperkenalkan rakyat Tanah Melayu dengan pentadbiran awam yang sebenar. Pengenalan polisi pendidikan seterusnya telah membantu dan memberi peluang kepada rakyat Tanah Melayu menyertai bidang pentadbiran awam. Misalnya pada 1905, Maktab Melayu Kuala Kangsar telah ditubuhkan dengan tujuan melantik orang Melayu mengisi jawatan dalam perkhidmatan awam (Khasnor Johan 1996: 3). Polisi ini berterusan sehingga meletusnya Perang Dunia Kedua (1942-1945).

berlaku. Pertama, kesanggupan ketiga-tiga kaum yang terbesar (Melayu, Cina dan India) untuk bersatu ke dalam satu perikatan politik. Kedua, wujudnya keadaan Darurat (Ahmad Fawzi Basri, Mohd. Idris Salleh dan Shaffiee Saad 1991: 57).

Kerajaan British telah menjadikan sebagai satu syarat penting bagi mencapai kemerdekaan, iaitu ketiga-ketiga kaum terbesar di dalam Persekutuan Tanah Melayu mestilah terlebih dahulu boleh bekerjasama dalam bidang politik. Syarat ini dikenakan kerana British hendak menjamin supaya kekacauan tidak akan berlaku ketika kemerdekaan tercapai nanti. Dalam hal ini kerajaan British mungkin sedar akan perebezaan besar yang wujud di antara bangsa-bangsa yang berlainan itu. Oleh itu, kerajaan British akan dapat melanjutkan kuasanya. Tetapi kejayaan Parti Perikatan yang besar dalam pilihanraya 1955 telah menghapuskan anggapan tersebut (Ibid.: 58; Gordon Means 1991: 2).

Maka orang Melayu, Cina dan India telah menujuhkan Parti Perikatan (parti politik gabungan antara kaum) terdiri dari UMNO, MCA dan MIC bertujuan mencapai kemerdekaan bagi Persekutuan Tanah Melayu dalam masa yang singkat, tertakluk kepada syarat yang dikenakan oleh pihak British bahawa ketiga-tiga kaum terbesar ini boleh bekerjasama dan ‘bertolak-ansur’.

Kehadiran Darurat (suasana tegang yang diakibatkan oleh gerila Parti Komunis Malaya) adalah juga faktor yang penting dalam mempercepatkan langkah ke arah kemerdekaan. Walau bagaimanpun, peringkat awal keadaan Darurat itu lebih merupakan faktor yang menghalang. Pada ketika itu kerajaan British berpendapat

bahawa semua usaha mestilah ditumpukan kepada mematahkan pemberontakan Komunis. Oleh itu kemajuan perlumbagaan dan politik terpaksaalah ditangguhkan dahulu. Tetapi kerajaan British kemudian sedar bahawa perjuangan menentang Komunis tidak boleh dianggap sebagai semata-mata urusan tentera, kerana alasan kegiatan komunis itu ialah mereka ingin membebaskan Tanah Melayu daripada belenggu kolonialisme Britisih. Dengan kesedaran itu, kemajuan perlumbagaan dan politik mendapat keutamaan (William Shaw 1976: 13; Richard Stubbs 1977: 249-262).

Selepas Tanah Melayu memperolehi kemerdekaan, banyak dasar yang telah dibentuk bagi mempertingkatkan lagi martabat negara tidak kira dari segi ekonomi, politik atau sosial. Dasar-dasar negara digubal dan diperkenalkan ke dalam sistem kerajaan digunakan untuk membimbing dan menghalakan pembangunan serta pembaharuan.

Pencapaian kemerdekaan itu sendiri merupakan satu pukulan hebat kepada Parti Komunis Malaya. Parti itu tidak dapat lagi merayu kepada orang ramai dengan menggunakan dasar anti-penjajahan. Sebenarnya, selepas Merdeka, ia dianggap sebagai sebuah parti anti-kebangsaan. Ada juga faktor-faktor lain daripada yang dinyatakan ini. Misalnya, tahun 1955 ialah tahun Persidangan Afro-Asia di Bandung, iaitu satu peristiwa yang menggerakkan perjuangan yang lebih bersemangat menentang penjajahan dan ideologinya condong ke kiri (Ibid.: 14; Mohamed Noordin Sopiee 1976: 33-52; Abdullah Ahmad 1985: 29).

Selain dari itu, bentuk Parti Perikatan itu sendiri menjadi satu pertimbangan yang menyebabkan kerajaan British tidak keberatan memenuhi tuntutan rakyat Persekutuan Tanah Melayu yang disokong oleh orang ramai. Parti Perikatan pula bukannya satu parti sosialis. Ia kuat berpegang kepada sistem ekonomi bebas (free enterprise). Oleh yang demikian, kerajaan Perikatan tidak mungkin menjalankan dasar menjadikan hakmilik negara akan harta dan perniagaan orang-orang asing. Di samping itu, pihak British telahpun mendapat jaminan daripada Parti Perikatan dan Raja-raja Melayu untuk saling bantu-membantu antara satu sama lain dalam satu perjanjian pertahanan yang akan menjaga kepentingan ekonomi dan siasah mereka di rantau ini (Ibid.: 15). Pemimpin negara, Tunku Abdul Rahman, lulusan Universiti Cambridge, adalah seorang yang dapat mereka percayai (Mubin Sheppard 1995: 5-23; Abdullah Ahmad 1985: 3).

Pada tahun 1959, Persekutuan Tanah Melayu telah mengadakan Pilihanrayanya yang pertama sejak mencapai kemerdekaan. Di dalam pilihanraya ini, parti Perikatan telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Sungguhpun ancaman keganasan Komunis masih lagi wujud dalam negara ketika itu tetapi pihak kerajaan telah dapat mengawal kegiatan-kegiatan pengganas Komunis ini. Kedudukan ekonomi Tanah Melayu pada masa itu berada dalam keadaan yang kukuh. Tetapi pihak kerajaan Perikatan dapat melihat bahawa keadaan politik di Singapura tidak begitu menyenangkan. Parti Tindakan Rakyat yang menjadi kerajaan di Singapura semakin lemah dalam mempengaruhi penduduk-penduduk Singapura. Ini jelas kelihatan apabila satu pilihanraya kecil telah diadakan dalam bulan April 1961. Calon Parti Tindakan Rakyat yang disokong penuh oleh kerajaan Singapura tidak dapat mengalahkan

lawannya yang tidak mempunyai sebuah parti politik yang kukuh. Keputusan pilihanraya kecil di kawasan Hong Lim di Singapura itu telah merungsingkan pemimpin-pemimpin di Kuala Lumpur. Malah pada awal tahun 1961, pihak Komunis bergerak cergas di Tanah Besar Asia Tenggara, terutamanya di Vietnam. Jadi kegiatan dan kejayaan politik kekiran di Singapura itu membimbangkan lagi Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu (James P. Ongkili 1985: 152).

Pada 27 Mei 1961, Perdana Menteri Persekutuan, Tunku Abdul Rahman, telah membuat satu ucapan kepada Persatuan Wartawan-wartawan Luar Negara di Asia Tenggara di Hotel Adelphi, Singapura. Tunku telah menyatakan bahawa Persekutuan Tanah Melayu sedar bahawa ia tidak boleh hidup sendirian dan berasingan. Beliau membayangkan adalah penting bagi Persekutuan Tanah Melayu mendapatkan kerjasama kerajaan British serta penduduk-penduduk wilayah Singapura, Borneo Utara (sekarang Sabah), Brunei dan Sarawak. Ucapan Tunku ini telah menarik perhatian wartawan-wartawan yang hadir pada hari itu dan ucapan ini telah dijadikan asas bahawa Tanah Melayu ingin menggabungkan Singapura, Sabah, Brunei dan Sarawak dengan Tanah Melayu untuk menujuhkan Malaysia (*The Straits Times* 28 Mei 1961).

Namun demikian ramai orang yang terkejut mendengarkan ucapan Tunku itu kerana sebelum ini Kerajaan Persekutuan telah menolak permintaan daripada Kerajaan Singapura yang banyak kali menyatakan hasratnya untuk turut serta di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Penukaran sikap Kerajaan Persekutuan ini telah menyebabkan berbagai-bagai andaian dibuat. Ada yang mengatakan bahawa ucapan

Tunku itu dibuat dengan cara yang agak mengejut dan tiada apa pun persediaan awal yang sebenarnya telah dibuat berkenaan kerjasama di antara wilayah-wilayah British dan Persekutuan Tanah Melayu itu. Andaian ini tidak tepat kerana Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telahpun membuat sedikit sebanyak kajian terutamanya tentang kedudukan penduduk di Sabah, Brunei dan Sarawak. Kajian ini juga meneliti potensi ekonomi wilayah-wilayah tersebut. Malahan satu perundingan di peringkat pegawai telahpun diadakan di antara pengawai-pegawai Kementerian Luar Negara Tanah Melayu dengan pegawai-pegawai Pejabat Komanwel kerajaan British sebelum 27 Mei 1961 (Ibid.).

Namun demikian, cadangan ini tidak terlepas dari tentangan dari beberapa buah negara jirannya seperti Filipina dan Indonesia. Akhirnya isu ini telah dibawa kepada pihak Bangsa-bangsa Bersatu. Setelah mendapat persetujuan daripada ketiga-tiga Ketua Kerajaan (Persekutuan Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina), Setiausaha Bangsa-bangsa Bersatu, U Thant, telah menghantar wakilnya, Michaelmore, dengan satu rombongan bagi meninjau pendapat rakyat Sabah dan Sarawak. Rombongan ini mendapati sebahagian besar rakyat Sabah dan Sarawak menyokong penubuhan Malaysia. Terdapat masalah tarikh penubuhan Malaysia yang telah dipersetujui bersama oleh Persekutuan Tanah Melayu, Indonesia dan Filipina iaitu pada 31 Ogos 1963. Persetujuan ini diambil dalam persidangan Maphilindo di Manila pada bulan April 1963. Disebabkan laporan pihak Bangsa-bangsa Bersatu siap pada 14 September 1963 Tunku Abdul Rahman telah mengisyiharkan penubuhan Malaysia pada 16 September 1963. Kerajaan Indonesia dan Filipina tidak mahu menerima keputusan ini walaupun telah diberi penerangan. Namun demikian penubuhan

Malaysia telah disahkan oleh Suruhanjaya Michaelmore (*The Straits Times* 17 Sep. 1963; William Shaw 1976: 126). Brunei tidak menyertai Malaysia kerana tidak sanggup mengadakan pilihanraya.

Tidak lama setelah penubuhan Malaysia, perbalahan antara Singapura dengan Kerajaan pusat telah berlaku sehingga memaksa Kerajaan pusat mengambil tindakan mengeluarkan Singapura dari Malaysia dalam bulan Ogos 1965.

Pada 9 Ogos 1955, Dato Abdul Razak telah dilantik sebagai Menteri Pelajaran. Beliau telah berhadapan dengan masalah melaksanakan dasar pelajaran kebangsaan. Sebelum Dato Abdul Razak dapat mencipta satu dasar yang diterima oleh semua pihak, beliau telah berhadapan dengan sekurang-kurangnya dua golongan yang terbesar. Pertama guru-guru Melayu dan kedua MCA (PINTAR C.1; J. Victor Morais 1969: xxi)).

Guru-guru Melayu ketika itu diketua oleh Cikgu Md. Noor Ahmad dari Pulau Pinang. Pada ketika yang sama dia juga adalah seorang ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Cikgu Md. Noor adalah orang yang begitu lantang menyuarakan kedaulatan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan mahukan semua sekolah memakai bahasa pengantar Melayu dengan segera. Hampir setiap hari Cikgu Md. Noor datang ke rumah Dato Abdul Razak di Kuala Lumpur bertujuan mendapatkan persetujuan Dato Abdul Razak. Perjuangan bahasa adalah isu yang rumit. Pemimpin-pemimpin UMNO dari mula lagi tidak begitu tertarik dengan isu bahasa ini kerana ini boleh menyulitkan kerjasama dengan MCA dan MIC. Guru-guru Melayu telah mengambil

hal ini sebagai platform perjuangannya. Dan UMNO di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman tidak dapat mengelak kerana 90 peratus dari pemimpin UMNO di berbagai peringkat adalah guru-guru Melayu. Bagaimanapun hal ini mesti diputuskan oleh Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Untuk memastikan bahasa ini menjadi isu, maka guru-guru melakukan lobi yang kencang. Dato Abdul Razak memahami kehendak teramai ahli UMNO terutamanya guru-guru Melayu dan beliau akhirnya bersetuju menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara (William Shaw 1976: 84; PINTAR C.3).

Ketika pemerintahan Tunku Abdul Rahaman juga, soal pelajaran Cina menjadi satu masalah kepada Dato Abdul Razak selaku Menteri Pelajaran. Orang-orang Cina tidak mahu bentuk dasar pelajaran yang ada ketika itu (Tan Liok Ee 1997: 23). MCA mahu supaya pelajaran Cina setaraf dengan taraf pelajaran Melayu yang dijamin oleh dasar pelajaran. Hal ini jika diterima akan meributkan keadaan dalam UMNO. Dr. Lim Chong Eu adalah wakil MCA dalam jawatankuasa mengkaji dasar pelajaran yang dipengerusikan oleh Dato Abdul Razak itu. Tekanan-tekanan dari pihak MCA cukup kuat dan akhirnya inilah punca besar Dr. Lim Chong Eu disingkirkan dari Perikatan (Ho Sooi Beng 1972: 38-45). Malah Dr. Lim juga pernah berbalah dengan Tunku berhubung dengan pembahagian kerusi dalam Pilihanraya 1959 dahulu.

Dalam soal pembangunan luar bandar, Tunku Abdul Rahman telah menugaskan Aziz Ishak melaksanakan rancangan pembangunan tersebut. Soal yang berhubung dengan kerjasama juga diletakkan di bahawa jagaannya. Aziz sentiasa mempunyai rancangan yang sangat menarik rakyat. Dia merancang syarikat kerjasama kilang

kertas dan kilang baja urea. Dengan rancangan-rancangan lain terdapat satu rupa perkembangan bahawa begitu ramai rakyat yang mulai terpesona dengannya. Oleh yang demikian telah timbul satu macam persaingan antara Dato Abdul Razak dengan Aziz Ishak dalam barisan kedua UMNO. Dan Aziz sendiri pernah berazam untuk menandingi Dato Abdul Razak sebagai Timbalan Ketua UMNO. Perkembangan ini adalah saat paling cemas bagi Dato Abdul Razak. Bagaimanapun, rancangan pembangunan yang dirangka oleh Aziz yang dicontohnya dari India tidak menarik minat Tunku dan pucuk pimpinan UMNO. Oleh yang demikian Tunku terpaksa menyerahkan kepada Dato Abdul Razak untuk merangka satu rancangan pembangunan. Rancangan itu diterima. Dan kemudiannya Kementerian Luar Bandar diserahkan kepada Dato Abdul Razak pada 1959 (*Malaysia Official Year book 1969: 279*).

Apakah rancangan yang dibuat oleh Aziz itu ada peranan yang dimainkan oleh Dato Abdul Razak untuk menolaknya hanya Tunku sahaja yang tahu. Tetapi apa yang nyata ialah Dato Abdul Razak dalam hal seperti ini berjaya mendapat kepercayaan pucuk pimpinan. Dan Aziz pula kerana caranya lebih banyak disokong oleh ahli-ahli UMNO di kawasan pertanian, maka ia berhadapan pula dengan perasaan curiga masyarakat lain kaum. Pada ketika yang sama MCA pula merasa bahaya dengan langkah-langkah Aziz lalu mengambil tindakan yang boleh merenggangkan lagi Aziz dengan pucuk pimpinan Tunku. Akhirnya, menjelang waktu Konfrontasi bila Tunku melakukan rombakan kabinet, Aziz telah ditukarkan ke Kementerian Kesihatan dan beliau menentang, akhirnya beliau telah disingkirkan dari kabinet. Aziz kemudiannya terus menjalankan kegiatan yang mengkritik Tunku, maka Tunku merasakan itu boleh

memecah-belahkan UMNO, lalu dia dipecat. Dengan pemecatan itu berakhirlah cabaran Aziz dalam UMNO. Dato Abdul Razak terselamat dari bahaya saingan yang sangat mencemaskan (*Ibid.*).

Malah setelah diberi tanggungjawab menjalankan Kementerian Pembangunan Luar Bandar setelah Aziz Ishak mengemukakan rancangan yang tidak dapat diterima kabinet, Dato Abdul Razak yang mengambil alih tugas tersebut telah mengambil masa kira-kira tiga bulan untuk merangka dasar yang kemudiannya dikenali dengan ‘Buku Merah’. Buku ini meliputi setiap aspek keperluan negara dan dilengkapi pula dengan ‘Bilik Gerakan’ yang mencatatkan buah butir rancangan di setiap tempat dan kemudian segala kemajuan dan kegagalan rancangan-rancangan tersebut juga dicatit. Antara langkah awal pembangunan ini ialah rancangan FELDA (Federal Land Development Authority) di mana peneroka-peneroka di rancangan ini diberi peluang mengerjakan tanah sama ada secara berkelompok atau bersendirian yang mana selama menunggu tanah itu memberi hasil, mereka diberi bantuan. Sesudah ia berhasil, maka tanah yang dibahagikan 10 ekar setiap satu keluarga, atau beberapa ekar yang ditetapkan oleh keadaan tempat dan rancangan tertentu, boleh mereka miliki (PINTAR P.2 dan P.3; James P. Ongkili 1985: 225).

Namun demikian, pada 13 Mei 1969, selepas pilihanraya di mana kedudukan Perikatan tergoncang, rusuhan kaum berlaku yang kemudian mengakibatkan Tunku Abdul Rahman berundur daripada politik dan diganti oleh Tun Abdul Razak. Berasaskan pengalaman itu seorang sarjana dari Universiti Harvard, Rupert Emerson, pernah meramalkan bahawa Malaysia akan turut dilanda krisis seperti di Indonesia

dan Lubnan. Keadaan huru-hara dalam negara akan menyebabkan pihak tentera merampas kuasa atau wujudnya pemerintahan diktator (R. Emerson 1962: 278).

Ketika Malaysia memasuki dekad 1970-an, negara ini baru pulih dari krisis perkauman yang berlaku pada bulan Mei 1969. Krisis ini telah mengancam survival institusi politik negara dan juga usaha menjaga ketenteraman awam di kalangan masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk (Gordon P. Means 1991: 1).

Semasa di bawah pemerintahan British telah timbul kesedaran bahawa sesuatu harus dilakukan untuk menarik lebih ramai orang Melayu berkecimpung di dalam bidang perniagaan (R.S Milne dan Diane K. Mauzy 1982: 409). Arahan yang dikeluarkan kepada Jeneral Templer semasa beliau dilantik sebagai Pesuruhajaya Tinggi pada bulan Februari 1952 yang mana terjemahannya berbunyi bahawa:

... keunggulan sebuah negara Tanah Melayu yang bersatu tidak melibatkan mana-mana komuniti mengorbankan kebudayaan dan adat resam tradisi mereka tetapi sebelum ia boleh dicapai sepenuhnya orang Melayu mesti diberi galakan dan dibantu untuk membolehkan mereka memain peranan yang sempurna dalam ekonomi negara supaya dapat dikurangkan ketidakseimbangan ekonomi yang wujud seperti sekarang (J.B.P Robinson 1955: 182-188).

Ketika negara ini mencapai kemerdekaan, bijih timah dan getah merupakan tunjang utama ekonomi Malaysia. Soal-soal yang berhubung dengan ekonomi tidak dapat disegerakan oleh kerajaan yang bertolak dari kabinet 1955 itu kerana hal-ehwal

ekonomi ketika itu masih dipegang oleh pegawai British. Bagaimanapun, Rancangan-rancangan Lima Tahun bermula dari 1956 dan berakhir tahun 1970 mengisi kehendak infrastruktur sahaja. Pembangunan di luar bandar cuma memberi sebanyak-banyak jalan tar dan jalan tanah merah guna membolehkan kenderaan keluar masuk desa bagi memunggah segala hasil yang ada dan yang diperlukan. Rancangan ini juga cuba memberikan air dan elektrik ke kebanyakan kampung yang boleh memberi kemudahan kepada para pengusaha masuk menanam modal atau mendirikan kilang perusahaan (*Malaysia Official Year book 1969: 279*).

Tanah Melayu melancarkan projek pembangunannya melalui Rancangan Lima Tahun Pertamanya bermula tahun 1956 dengan mengutamakan pembangunan infrastruktur seperti membina jalanraya, bekalan elektrik, paip air, bangunan sekolah, bangunan-bangunan kerajaan dan sebagainya. Dan segala pembangunan ini dirasakan oleh semua pihak adalah daya usaha dan kemahuhan keras dari Dato Abdul Razak. Pembangunan ekonomi di Malaysia bermula dari Dasar Pelajaran Kebangsaan yang dirangka begitu rupa dalam 1956. Dasar Pelajaran Kebangsaan yang bermula sejak itu mencari jalan menyatukan rakyat, tetapi yang pokoknya dari situlah bermula segala-galanya. Semangat dasar kebangsaan itu ialah untuk mewujudkan belia yang sihat dan berpelajaran. Dari belia yang sihat itu nanti dirasakan dapat menjadi tenaga pekerja membelah rimba dan paya bagi menjadikan tapak pembangunan, dan mereka juga boleh menjadi segala tenaga yang kuat bagi menjalankan apa juga yang perlukan oleh pembangunan itu. Dan sekiranya belia itu sudah berpelajaran maka ia akan tahu membuat apa juga kerja dan boleh berfikir tentang memajukan negara. Pembangunan

yang dihasratkan oleh rakyat mudah dilaksanakan apabila setiap rakyat sudah dapat menulis dan membaca (*Ibid.*; Subky Latif 1976: 39-40).

Tercetusnya peristiwa 13 Mei, 1969 adalah satu amaran awal terhadap wujudnya jurang perbezaan ini. Berikutan daripada itu, satu dasar pembangunan baru telah digubal. Keutamaan negara telah dirombak semula dan usaha-usaha dipertingkat secara bersepada untuk menyelesaikan masalah sosial yang wujud.

Pertambahan ekonomi Malaysia juga menekankan kepada pertambahan Keluaran Negara Kasar (KNK) serta mengguna ‘pendekatan agresif’ untuk menambah pelaburan dalam industri. Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh mengatasi ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan di antara kaum. Setiap dasar bukan sahaja dipandang daripada aspek kos dan kecekapan tetapi juga dari segi ketidakseimbangan etnik. Jika didapati ketidakseimbangan yang jelas maka kerajaan dituntut supaya menyusun semula keadaan yang menyebabkan ketidakseimbangan itu. Sebelum 1969, sektor perdagangan dan perindustrian (bukan-Melayu) berkembang secara sederhana dan pada masa yang sama penegasan juga diberi pada sektor luar bandar (Melayu). Sekiranya tidak ada kebimbangan mengenai ketidakseimbangan kaum maka program ekonomi yang paling ‘rasional’ ialah mengutamakan perkembangan sektor perindustrian dan perdagangan daripada sektor pertanian (Katherine West 1972: 492). Apa yang terjadi ialah Dasar Ekonomi Baru memberi peruntukan supaya sektor ‘maju’ boleh berkembang dengan agak pesat tetapi disebabkan adanya kebimbangan mengenai ketidakseimbangan kaum maka peranan

yang dihasratkan oleh rakyat mudah dilaksanakan apabila setiap rakyat sudah dapat menulis dan membaca (*Ibid.*; Subky Latif 1976: 39-40).

Tercetusnya peristiwa 13 Mei, 1969 adalah satu amaran awal terhadap wujudnya jurang perbezaan ini. Berikutan daripada itu, satu dasar pembangunan baru telah digubal. Keutamaan negara telah dirombak semula dan usaha-usaha dipertingkat secara bersepadu untuk menyelesaikan masalah sosial yang wujud.

Pertambahan ekonomi Malaysia juga menekankan kepada pertambahan Keluaran Negara Kasar (KNK) serta mengguna ‘pendekatan agresif’ untuk menambah pelaburan dalam industri. Kerajaan telah berusaha bersungguh-sungguh mengatasi ketidakseimbangan dalam agihan pendapatan di antara kaum. Setiap dasar bukan sahaja dipandang daripada aspek kos dan kecekapan tetapi juga dari segi ketidakseimbangan etnik. Jika didapati ketidakseimbangan yang jelas maka kerajaan dituntut supaya menyusun semula keadaan yang menyebabkan ketidakseimbangan itu. Sebelum 1969, sektor perdagangan dan perindustrian (bukan-Melayu) berkembang secara sederhana dan pada masa yang sama penegasan juga diberi pada sektor luar bandar (Melayu). Sekiranya tidak ada kebimbangan mengenai ketidakseimbangan kaum maka program ekonomi yang paling ‘rasional’ ialah mengutamakan perkembangan sektor perindustrian dan perdagangan daripada sektor pertanian (Katherine West 1972: 492). Apa yang terjadi ialah Dasar Ekonomi Baru memberi peruntukan supaya sektor ‘maju’ boleh berkembang dengan agak pesat tetapi disebabkan adanya kebimbangan mengenai ketidakseimbangan kaum maka peranan

orang Melayu yang kurang maju ekonominya dalam sektor ini boleh dikembangkan (R.S Milne dan Diane K. Mauzy 1982: 414).

Hubungan Luar



Perkembangan di dalam dan di luar negara memerlukan jentera pentadbiran kerajaan sentiasa diperkemaskan untuk terus memenuhi keperluan rakyat dan sentiasa menjaga kepentingan negara. Malaysia memperjuangkan kepentingan nasionalnya daripada sebarang ancaman melalui dasar luarnya. Perjuangan ini dijalankan secara sendirian dan juga berkelompok. Dalam melaksanakan dasar luar itu, terdapat beberapa orientasi. Malaysia telah memilih orientasi yang difikirkan boleh membawa keuntungan kepadanya (Chamil Wariya 1989: 20).

K.J. Holsti (1967) telah membahagikan objektif dasar luar kepada tiga kategori iaitu matlamat jangka pendek, matlamat jangka pertengahan dan matlamat jangka panjang. Dasar luar adalah tindakan atau idea yang dibentuk oleh pihak yang membuat dasar untuk menyelesaikan sesuatu masalah atau menganjurkan sesuatu perubahan pada persekitaran.

Objektif nasional Morgenthau (1967) adalah sama dengan matlamat jangka pendek Holsti, iaitu mempertahankan nilai asas kepentingan dan keselamatan nasional.

Berdasarkan pendapat K.J. Hosti dan Morgenthau ini, dasar luar Malaysia diklasifikasikan kepada tiga peringkat utama:

- i) Dasar tidak campurtangan (berkecuali)
- ii) Dasar kerjasama serantau
- iii) Dasar menyokong Bangsa-bangsa Bersatu dan agen-agennya.

Perang Dingin

Tanah Melayu, kemudian Malaysia, muncul sebagai sebuah negara merdeka semasa iklim antarabangsa berada dalam keadaan yang agak tegang. Perang Dingin antara Amerika dengan Rusia sedang memuncak ketika itu. Perseteruan baru antara dua kuasa yang bersaingan antara satu lain ini meliputi bidang ekonomi, politik dan sosial. Dengan kata lain, Perang Dingin ini bukan satu perang yang terbuka. Istilah Perang Dingin ini mula digunakan oleh penasihat presiden Amerika, Benard Baruch, pada tahun 1947 dan kemudian diterima sebagai menggambarkan hubungan Washington dengan Moscow selepas Perang Dunia Kedua berakhir (Hasan Hj. Hamzah 1990: 47; Chamil Wariya 1989: 21).

Ghazali Shafie (1982), berpendapat bahawa Perang Dingin mempengaruhi dasar luar Malaysia. Malaysia sebenarnya tiada pilihan dan terpaksa bergantung kepada Britain dalam mempertahankan kepentingan nasionalnya.

Abdullah Ahmad (1987) dalam bukunya, *Tunku Abdul Rahman and Malaysia's Foreign Policy* mengatakan bahawa dasar luar awal Tanah Melayu ini bukan sahaja

pro-Barat, tetapi juga memilih dasar luar yang anti-komunis yang memberi pengertian bahawa dalam hubungan dan interaksinya dalam arena antarabangsa. Malaysia tidak berkawan dengan negara-negara yang diperintah secara komunis kerana di dalam negara, Malaysia sendiri bermusuhan dengan pergerakan komunis.

Komunisme sudah menjadi masalah besar ketika British masih bertapak di negara ini. Keadaannya begitu teruk sehingga pemerintah British waktu itu terpaksa mengisytiharkan Darurat untuk menghadapi ancaman komunis yang bertujuan menegakkan kerajaan komunis di Tanah Melayu sama seperti yang telah dilakukannya di beberapa negara lain di dunia ini. Menurut sejarah, pergerakan komunis wujud di Malaya tidak lama selepas Rusia berjaya dikomuniskan melalui Revolusi Bolshevik pada 1917. Kejayaan itu mendorong Rusia menujuhkan Pergerakan Komunis Antarabangsa yang bertanggungjawab mengasaskan parti-parti komunis di luar negara. Benua Asia merupakan sasaran pergerakan komunis antarabangsa ini (Ahmad Fawzi Basri, Mohd. Idris Salleh dan Shaffiee Saad 1991: 131; Santanina T. Rasul 1988: 80; Chamil Wariya 1989: 24-25).

Perang Dingin telah menyebabkan dasar luar Malaysia digubal sedemikian rupa bagi tidak memihak kepada Amerika yang mengamalkan dasar kapitalis manakala sosialis pula diamalkan oleh pihak Rusia. Masing-masing cuba menunjukkan kuasa yang melibatkan hal-hal politik dan juga ketenteraan (Norman A. Graebner 1963: xv).

Apabila blok komunis dan demokrasi liberal berbaik-baik di bawah *détente*, Malaysia telah mengambil pendirian berkecuali untuk berkawan dengan semua negara

tanpa mengira ideologi kerana pendirian itu boleh menjaga kepentingannya dalam pergolakan antarabangsa. Di bawah dasar itu, selain berkawan dengan negara-negara Barat, Malaysia juga mula menjalin persahabatan dengan negara-negara blok Timur (Hasan Hj. Hamzah 1990: 48-49).

Kesan dari Perang Dunia Kedua itu menjadikan Amerika sebuah kuasa yang terkuat di dunia. Keadaan ini terpaksa diterima oleh pihak Rusia yang bimbang nasib Moscow dan Leningrad serupa dengan Hiroshima dan Nagasaki (Arthur S. Link 1968).

Menurut Samuel M. Osgood (1965) ketika itu pihak Rusia tidak mempunyai peruntukan kewangan yang cukup. Stalin menghadapi dilema kerana beliau terpaksa membuat pinjaman dari tabung Amerika jika ingin menjayakan usahanya itu.

Di kemuncak persaingan ini juga Setiausaha Amerika, John Hay telah menghantar perutusan kepada kuasa-kuasa besar yang memberitahu tentang dasar buka pintu yang diamalkan oleh China. Tindakan ini berjaya dalam usaha memulihkan hubungan antara China dan Amerika (Morton A. Kaplan 1976: 35).

Dalam perkembangan lain, Amerika merupakan sekutu kuat Israel. Israel yang ditubuhkan pada 14 Mei 1948 membawa kesan kepada Amerika dalam jangka masa panjang. Ini kerana Timur Tengah terkenal dengan sumber minyaknya. Amerika bimbang pihak Soviet akan mendapat keuntungan dari perang itu. Pihak negara

Arab tidak dapat menerima keadaan tersebut kerana Israel mendirikan kerajaannya melalui cara yang tidak sah (Peter Calvoceressi 1968: 488).

Dalam hal ini, Tanah Melayu yang merupakan penyokong kuat rakyat Palestin turut terbabit di dalam kancang pergolakan di antara Israel dengan Palestin serta negara-negara Arab yang lain. Sebagai sebuah negara-bangsa, dasar luar Malaysia telah dibina berdasarkan matlamat-matlamat, keutamaan-keutamaan dan keperluan-keperluan nasional yang berpunca daripada struktur sosio-ekonominya. Sebagai sebuah negara Dunia Ketiga yang sedang membangun keperluan nasional adalah amat penting. Saiznya yang kecil, keupayaan ketenteraan yang tidak begitu memadai dan struktur ekonomi yang terlalu sempit yang masih berdasarkan pengeluaran beberapa bahan mentah, telah membawa dasar luar Malaysia kepada arah-arah tertentu. Misalnya, tujuan am yang amat ketara pada tahun 1960-an ialah pertahanan atau keselamatan baik dalam negara maupun luar dari sempadan kewilayahannya. Di samping itu kestabilan harga bahan-bahan mentah yang dikeluarkan, seperti bijih timah dan getah di pasaran antarabangsa adalah menjadi tujuan utama dalam bidang ekonomi negara. Walaupun kedua-dua matlamat am ini menjadi asas kepada pendirian-pendirian, strategi-strategi ataupun tindakan-tindakan tidak berubah dari semasa ke semasa, kita ketahui bahawa dasar luar mana-mana negara sekalipun selalu saja berubah dan perubahan-perubahan seperti ini mencerminkan usaha sesebuah negara untuk mencari cara-cara baru untuk mencapai dan memupuk kepentingannya dalam sistem antarabangsa yang juga sering berubah. Jadi, dasar luar sebenarnya adalah satu kegiatan yang sering diubahsuaikan ataupun diperbaiki ekoran daripada perubahan persekitaran dunia di samping berdasarkan kepada keperluan dalam negara

yang agak stabil. Dari segi ini, dasar luar adalah sebahagian dasar dalaman dan bukan satu fenomena yang hanya berlaku atas pentas dunia. Ianya mempunyai hubungan erat dengan kepentingan dan dasar dalaman sesebuah negara. Begitu juga keadaannya dengan negara Malaysia (J. Saravanamuttu 1982: 139).

Semasa Perang Dingin Baru masih lagi bergolak, Soviet Union masih menuding jari kepada Amerika Syarikat sebagai negara pertama yang memulakan penggunaan kuasa nuklear dan seterusnya membawa kepada perlumbaan senjata (Steve Smith 1995).

Soviet Union telah mencapai kejayaan yang setaraf dengan Amerika Syarikat dalam senjata-senjata nuklear strategis. Amerika Syarikat telah menimbulkan kelebihan Soviet Union dalam bidang ini, dengan menyebut sebagai bukti perkembangan pesat program persenjataan: empat sistem peluru berpandu baru yang sedang dalam pembinaan, dan jumlah peluru berpandu yang lebih banyak dan lebih besar, lengkap dengan pelbagai macam kepala torpedo (David Carlton dan Herbert M. Levine 1988: 53).

Soviet Union mengamalkan polisi penyesuaian (*policy of accommodation*) seperti juga Amerika Syarikat dan menggunakan peluang di mana sahaja. Mereka berdiri sebagai alat yang menumpang kekuatan yang wujud di Eropah di mana mereka mendorong cita-cita mereka melalui persidangan politik di Geneva dan Vienna, sambil memainkan peranan revolusioner di Timur Tengah. Mereka memberikan sokongan penuh kepada OPEC dan tentera Pertubuhan Pembebasan Palestin yang

kemasukannya dalam agenda Pertelingkahan Arab-Israel akan membuatkan penyelesaian tak mungkin tercapai. Mereka bercakap tentang keselamatan tetapi mengamalkan hegemoni di Eropah Timur. Mereka bercakap tentang *détente* tetapi mengamalkan politik yang menguntungkan. Mereka tidak perlu mengeksplot ketidakpuasan yang terdapat di Dunia Barat sekarang. (Ibid.).

Amerika Syarikat yang telah menjamin kemerdekaan Eropah sejak selepas perang, sedang mengalami krisis keyakinan. Kelesuan tanggungjawab dan kekalahan tentera Amerika di Vietnam telah menimbulkan keinginan mengkaji diri sendiri dan rasa terasing. Konsep Amerika sebagai pemimpin Dunia Barat sedang tercabar. Presiden Nixon, Ford dan Kissinger melihat tugas mereka sebagai satu cara membangunkan semula keyakinan diri Amerika. Kegagalan polisi mereka di Timur Dekat, Timur Jauh, dan Timur Tengah menyebabkan ianya tidak mudah diselesaikan. Rasa ketidakghairahan yang baru telah membawa tokoh politik jenis lain ke Kongres: radikal, *pacifist* dan *isolationist* (Ibid.).

Tokoh-tokoh radikal yang baru telah menyebabkan penentangan Kongres terhadap kuasa Presiden dan medan penentangan yang mereka pilih ialah pelaksanaan polisi luar negeri Amerika Syarikat. Mereka menghalang pembekalan senjata ke Turki, anggota NATO. Mereka enggan menolong Kemboja mahupun Vietnam (Thomas S. Arms 1994).

Pada bulan Mei 1991, untuk pertama kalinya sejak 50 tahun, tentera laut Jepun meninggalkan kawasan perairannya menuju ke Teluk Parsi untuk menyertai pasukan

pengaman PBB sebagai sebahagian daripada operasi pembersihan pasca Perang Teluk. Jepun kini sedang memainkan peranannya sebagai pasukan pengaman PBB di Kemboja (Hassan Ahmad 1990).

Natijahnya, “Perang Dingin” yang telah berakhir pada tahun 1990 setelah kejatuhan Soviet Union sebenarnya bukanlah tamat setakat itu sahaja. Ini kerana Amerika Syarikat yang bercita-cita menjadi pengawal ketenteraman sejagat, bukan sahaja telah mencetuskan rasa iri di kalangan kuasa-kuasa besar yang lain seperti Perancis, Jerman di Eropah manakala kemunculan Jepun sebagai negara di Asia Timur yang perlu diberikan perhatian oleh pihak Amerika Syarikat berhubung dengan kebangkitannya (Halliday 1995). “Perang Dingin” sebenarnya belum berakhir kerana perlumbaan serta kecanggihan dunia sains dan teknologi masa kini melibatkan percaturan negara kuasa besar berlumba-lumba memperkuatkan sistem ketenteraan dan teknologi senjata mereka.

Kejatuhan Kesatuan Soviet pada 1990 telah mewujudkan krisis baru dalam dunia Islam. Berakhirnya Perang Dingin telah menyaksikan pengurangan kuasa dan pengaruh orang Islam di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Dalam dua tiga tahun sebelum itu telah kelihatan perubahan sejagat atau sejarah baru, yang ternampak sedang menuju ke arah dunia ekakutub. Kejatuhan Tembok Berlin telah menamatkan Perang Dingin, kewujudan *glasnost* dan *perestroika* telah menghancurkan blok komunis terbesar di Asia, dan Perang Teluk telah melahirkan tata baru dunia yang lebih tepat dikatakan tata bara dunia Amerika.

Perubahan tata antarabangsa yang mengiringi perkembangan ini telah menghasilkan cara penyusunan kuasa baru, dengan Amerika sebagai kuasa besar tunggal. Jadi, terdapat kecenderungan bagi Washington untuk berpaling kepada kekuasaannya bagi menstruktur semula peraturan keselamatan serantau atau untuk memaksa lebih banyak negara supaya berkiblat kepada Amerika bagi mendapat perlindungan. Dan kini lebih banyak negara sudah membuang komunisme sebagai ideologi negara dan Washington juga terpaksa menumpukan perhatiannya terhadap masalah lain, termasuklah kemunculan semula gerakan Islam ((Noor Khairiayati Mohd Ali 1992).

Walaupun Amerika kini sedang mengalami pelbagai pergolakan dalaman dan dikatakan sedang menuju ke arah zaman kejatuhan, buat sementara ini masih lagi merupakan kuasa terbesar, malahan kuasa besar tunggal dunia. Seperti kata Khoo Kay Kim (1991) dalam kertas kerjanya, *The Seduction of the West: Old Thoughts for a New Age*:

Walaupun keseimbangan kuasa sejagat telah mengalami perubahan dengan kejatuhan komunisme, sistem kuasa yang mentadbir dunia sebenarnya masih sama. Kuasa ini sebenarnya masih lagi kuasa kapitalis cuma kini berada di bawah satu bendera. Perlakuan serta tindak-tanduk negara-negara Barat/Utara masih ditentukan oleh kepentingan mereka dan tanggapan terhadap apa sahaja yang difikirkan mengancam kepentingan tersebut. Kebebasan, demokrasi, keadilan, hak kemanusiaan dan alam sekitar hanyalah sekadar kata-kata untuk melindungi kepentingan tersebut (Ibid.).

Ini membawa kita kembali menjengah persoalan asas Fukuyama dalam makalahnya *The End of History* yang tersiar dalam jurnal *The National Interest*, bahawa “sejarah dunia akan berakhir” dengan kejayaan sistem demokrasi kapitalis liberal dan perdagangan bebas. Menurut Ali A. Mazrui, perubahan besar di Eropah Timur dan di bekas Kesatuan Soviet ialah sebahagian daripada evolusi bersejarah yang mengarah ke sistem kapitalis demokrasi ini (*Ibid.*).

Kedudukan dunia Islam yang sentiasa bergolak dan tidak mempunyai persefahaman antara satu sama lain merupakan satu faktor yang memberi kelebihan kepada pihak Barat untuk memonopoli pentadbiran dunia. Maka begitulah tesis Fukuyama tentang paradigma sosio-politik terakhir dalam evolusi manusia yang akan tenggelam sama ada dengan kejadian atau penanggapan yang bertentangan terhadap berakhirnya Perang Dingin. Tidak satupun masyarakat atau pemikiran yang akan lahir selepas era ini nanti akan menjadi semudah yang dibayangkan oleh Fukuyama. Demokrasi liberal Fukuyama tidak berkeupayaan menyelesaikan masalah kepelbagaian masyarakat kerana tata dunia sebenarnya bergantung pada keupayaan untuk memelihara garis keseimbangan di antara pihak lawan yang bersaing, kepentingan dan kemahuan. Malaysia dan negara-negara Asia Timur, telah lama meninggalkan segala masalah yang kini sedang dialami oleh masyarakat baru di Komanwel Negara Bebas (Commonwealth of Independent States) dan Eropah Timur. Malaysia kini sedang menumpukan tenaga untuk meningkatkan lagi taraf kehidupan rakyat, membasmi kemiskinan dan buta huruf, mencegah dan mengubati pelbagai jenis penyakit serta menggalakkan keharmonian sosial. Walaupun kesannya begitu

lambat dan sukar dipenuhi, namun telah nampak perubahan daripada usaha-usaha yang dijalankan (*Ibid.*).

Apakah sebenarnya peranan Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) dalam era selepas Perang Dingin? Sebagaimana yang diketahui NATO diwujudkan untuk mengimbangi kuasa komunis yang sedang bersemarak di wilayah Eropah Timur. NATO merupakan saingan kepada Pakatan Warsaw yang terdiri daripada negara blok komunis terutamanya dari Eropah Timur. Dengan berakhirnya Perang Dingin, NATO sebenarnya sedang mencari misi dan kesahihannya untuk bergerak dan bertapak. Apa yang dihuraikan oleh Galvin memperlihatkan kecenderungan NATO untuk mencampuri secara ketenteraan di wilayah-wilayah Dunia Ketiga dan menghadapi ancaman nuklear dari Pakistan, Iran dan India serta negara bekas Republik Soviet yang dikatakan mampu menghasilkan peralatan ketenteraan bertenaga nuklear. Dalam hal ini musuh yang dimaksudkan ialah negara Dunia Selatan. Perang Teluk telah mempamerkan peranan baru NATO memandangkan tidak ada perimbangan kuasa di Eropah dan dunia keseluruhannya. NATO seolah-olah sudah mempersiapkan diri untuk memainkan peranan “luar kawasan” dengan mengawal tindak-tanduk negara Dunia Selatan. Perang Teluk dikatakan menyorot persediaan jangka panjang NATO dalam menghadapi operasi “luar kawasan” (Azlan Khalili 1991).

Namun peranan “luar kawasan” yang menurut istilah NATO telah dilakarkan dalam Perjanjian Washington pada tahun 1949 dahulu (semasa NATO ditubuhkan) yang menggariskan sempadan kawasan operasi yang terbentang dari Amerika Utara ke Jerman dan dari Kutub Utara ke pantai Mediterranean di Eropah termasuk Turki di

sebelah timur dan Kepulauan Canary yang menganjur ke Selatan (Ismail Hj. Hashim 1993).

Sebagaimana yang diketahui, krisis kepimpinan Amerika Syarikat sebagai kuasa dunia semakin dipertikaikan pada akhir tahun 1980-an. Amerika Syarikat juga sedang menghadapi krisis ekonomi yang ketara terutamanya dalam penyelidikan sains, kemampuan bidang perindustriannya dan persaingan perdagangan yang berhadapan dengan kuasa ekonomi Jepun dan EC. Peranan Amerika Syarikat sebagai "Polis Dunia" dalam era pasca Perang Dingin memandangkan kedudukannya sebagai kuasa tunggal dunia boleh dipertikaikan kerana kini Amerika Syarikat haruslah berbincang dengan rakan pakatan NATOnya. Mereka turut menyumbang wang ke arah dasar campurtangan dan sebarang persetujuan yang dicapai haruslah melibatkan mereka juga. Keadaan ini memperlihatkan kecenderungan yang lebih kepada Jerman dan Perancis (dua anggota NATO) untuk membebaskan diri daripada bergantung pada Amerika Syarikat sehingga ke tahap memiliki struktur ketenteraan yang kuat.

Pergantungan kepada Barat

Setelah mencapai kemerdekaan secara rasmi daripada British pada 1957 lalu, dilema yang dihadapi oleh Tanah Melayu ialah bagaimanakah ia dapat mewujudkan satu dasar luar yang benar-benar merdeka terutama sekali dalam soal keselamatan negara. Akhirnya Tanah Melayu memilih dasar pergantungan kepada pihak barat. Dalam soal keselamatan beban pertahanan didukung oleh pihak British melalui perjanjian yang dikenali sebagai *Anglo-Malaya Defence Agreement* (AMADA) dalam 1957 di mana

kerajaan British menjaminkan bantuan ketenteraan kepada Tanah Melayu sekiranya berlaku serangan bersenjata ke atas kewilayahannya Tanah Melayu (*Federation of Malaya 1957 [a]*).

Matlamat Malaysia yang menandatangani perjanjian AMADA ini adalah begitu ketara memandangkan Tanah Melayu mempunyai hanya satu pasukan Rejimen Askar Melayu Diraja dengan tidak mempunyai tentera udara dan laut (J. Saravananamuttu 1982: 141)

Sebenarnya di belakang perjanjian ini ialah ketakutan kepada ancaman komunis di kawasan serantau amanya dan terhadap Tanah Melayu khususnya. Bagi pemimpin-pemimpin Tanah Melayu seperti Tunku dan rakan-rakannya, komunisme merupakan ancaman keselamatan yang sangat merbahaya. Sikap ini berpunca daripada pengalaman Tunku dan tokoh-tokoh politik Tanah Melayu terhadap perang saudara dalam selama 12 tahun (1948-1960) dengan Parti Komunis Malaya yang dikenali sebagai ‘Darurat’. Oleh kerana Parti Komunis telah disokong dan dibantu oleh China, maka dari segi tanggapan Tunku dan rakan-rakannya, ancaman utama dari luar berpunca daripada komunisme sedunia. Justeru itulah AMADA ditandatangani dan menjadi tulang belakang keselamatan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun AMADA tidaklah diterima tanpa bantahan daripada sebahagian unsur nasionalisme dalam UMNO, parti-parti pembangkang, beberapa pemimpin kesatuan sekerja dan tokoh awam. Misalnya, Tajuddin Ali, seorang anggota UMNO telah mengcam perjanjian AMADA sebagai ‘menjeaskan kemerdekaan Tanah Melayu’ (Dalton 1967: 66-69).

Pemuda UMNO cawangan Johor pula menuduh bahawa perjanjian AMADA melibatkan Tanah Melayu secara tidak langsung ke dalam SEATO (Southeast Asian Treaty Organisation) yang dianjurkan oleh kuasa-kuasa barat yang telah ditubuhkan dalam bulan September 1954 lalu. Lantaran itu cawangan UMNO negeri Kedah menyeru supaya diadakan satu mesyuarat tergempar untuk membincang soal AMADA. Tetapi akhirnya Tunku dapat menolak semua kecaman ini sungguhpun beliau terpaksa mengambil pendirian bahawa satu perdebatan peringkat perhimpunan am UMNO akan dianggap sebagai ‘pengundian ketidakyakinan’ (no confidence vote) terhadap kepimpinannya. Dengan cara ini Tunku berjaya mendapatkan pengundian sebulat suara kepada AMADA dalam Majlis Perundangan. Dalam perdebatan itu Tunku menegaskan bahawa perjanjian AMADA adalah sangat perlu:

... let us face the facts, and the facts are that we have at our command an army less than one division in strength; we have no air force, not even a single plane or a single man, we have no navy, not even a single sailor and we have not even a single sea-going craft. With the revenue at our command we can never be able to build our forces to the strength which we would require for the defence of our country (*Federation of Malaya 1957 [b]*).

Selain daripada pendirian Tanah Melayu yang memihak kepada Barat, pendirian am Tanah Melayu yang bercorak anti-komunis juga amat ketara. Pada permulaannya Tunku telah mengisyiharkan ketidakkecualian Tanah Melayu terhadap soal-soal Perang Dingin atau perbalahan Timur-Barat. Pada tahun 1958, Tunku menjelaskan dalam Parlimen:

There is no question whatsoever of our adopting a neutral policy while Malaya is at war with the communists. Only when we are certain that people here have become truly Malayan-minded and have set their minds on making Malaya their only home can the government declare our policy of neutrality ... let me tell you that there are no such things as local communists. Communism is an aggression if they can avoid which aims for world domination, not by aggression if they can avoid it, but by the use of tactics and methods among the sons of the country to overthrow democracy and to set up in its place a government after the pattern of all communist countries (*The Straits Times* 7 Disember 1958).

Tanah Melayu juga mempunyai satu dua pendirian yang memperlihatkan kecenderungan kepada aspirasi kerjasama di peringkat antarabangsa. Misalnya, Tanah Melayu bergiat menubuhkan ASA (Association of Southeast Asia) dengan Filipina dan Thailand pada tahun 1961 dan menghantar sebanyak 1,413 askar ke Congo pada tahun 1960 untuk menyertai operasi menyelamatkan Congo anjuran Bangsa-bangsa Bersatu. Mengenai soal-soal kolonialisme dan perikemanusiaan, Tanah Melayu secara amnya berpegang kepada pendirian Dunia Ketiga. Terutama sekali, Tanah Melayu menyokong pemerintahan sendiri dan pembebasan di mananya tempat, misalnya Irian Jaya dan mengutuk dengan keras pemerintahan apartheid Afrika Selatan (J. Saravananuttu 1982: 141).

Walaupun dasar luar Tanah Melayu adalah pro-Barat, ini tidak pula bermakna Tunku Abdul Rahman hanya mengikut kehendak Barat sahaja. Malah, dengan usaha yang dipelopori Tunku, Afrika Selatan telah dipecat daripada komanwel pada tahun 1961 (Mokhtar A. Kadir 1991: 15).

Pada peringkat ini, Tanah Melayu juga memberi perhatian pada usaha mewujudkan sebuah persatuan negara-negara di Asia Tenggara untuk menggalakkan kerjasama sesama negara serantau. Dalam hubungan ini, seperti yang dijelaskan oleh banyak kajian, Tunku Abdul Rahman telah memainkan peranan penting dalam pembentukan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASA) yang dianggotai oleh Tanah Melayu, Thailand dan Filipina pada 1961. Tetapi pertubuhan itu tidak bertahan lama. Ekoran pembentukan Malaysia yang mencantumkan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Borneo Utara (Sabah), Filipina (dan juga Indonesia) telah mengandakan dasar anti-Malaysia menyebabkan ASA mati tanpa kubur. Selepas itu, kesatuan tiga negara Melayu-Malaysia, Filipina dan Indonesia bergelar MAPHILINDO diusahakan, tetapi ia juga tidak menjadi kenyataan. Persatuan-persatuan ini memainkan peranan penting ke arah melahirkan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) selepas berakhirnya konfrontasi antara Malaysia dan Indonesia (*Business Times* 6 Mei 1993).

Tanah Melayu tidak menghadapi masalah untuk menjadi sebuah negara berkecuali kerana syarat menjadi negara berkecuali ialah tidak menempatkan pangkalan tentera asing di bumi sesebuah negara itu atau tidak terikat dengan mana-mana pakatan tentera. Selepas pengunduran British, Tanah Melayu tidak lagi menempatkan tentera asing di negaranya. Malah, AMADA telah digantikan dengan Five Power Defence Agreement (FPDA) yang mengikat Tanah Melayu, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia ke dalam satu kerjasama ketenteraan bercorak konsultatif dan bukannya satu pakatan tentera (*Ibid.*).

Dalam perkara ekonomi, boleh dikatakan soal dilema kemerdekaan adalah lebih teruk daripada soal keselamatan. Pihak Inggeris telah meninggalkan satu sistem ekonomi yang berbentuk pertanian di mana getah dan bijih timah menghasilkan kira-kira 85 peratus eksport negara dan sebanyak 69 peratus daripada jumlah pekerja adalah terlibat dalam pertanian. Tambahan pula, semasa kemerdekaan dicapai, Britain masih mengawal agensi-agensi dan syarikat-syarikat perdagangan dan menurut satu anggaran “semua kapal lombong bijih, tiga-suku daripada ladang-ladang besar getah, hampir segala ladang kelapa sawit, kemungkinan dua-pertiga perdagangan antarabangsa dan kebanyakan industri baru adalah hakmilik atau kawalan asing, terutamanya Inggeris” (Tilman 1969 (a): 36).

Reaksi pengubal-pengubal dasar luar Tanah Melayu terhadap keadaan ekonomi yang sedemikian adalah ganjil. Orientasi yang pertama ialah sikap *laissez-faire* terhadap perusahaan ekonomi asing dengan anggapan bahawa penerimaan modal asing secara besar-besaran adalah perlu untuk pembangunan, pertubuhan dan kestabilan ekonomi Tanah Melayu. Secara amnya pendirian sebegini menunjukkan keyakinan kepada ‘Dunia Besar’ dan institusi-institusi ekonomi Barat, termasuk amalan-amalan perdagangan antarabangsa. Ekoran daripada ini Tanah Melayu menandatangani beberapa perjanjian pelaburan dengan Jerman Barat, Jepun, Amerika Syarikat dan juga menyokong Piagam Pelaburan Berbilang Hala ECAFE (1958) pada awal-awal kemerdekaan. Pendirian ekonomi yang kedua yang berbeza sedikit daripada yang pertama adalah berorientasi ‘Dunia Membangun’. Sikap ini berpunca daripada yang pergantungan perdagangan luar yang hebat. Pergantungan ini selalu menjegas hasil yang diperlukan dari luar untuk pembangunan ekonomi. Jadi tidak

hairanlah mengapa Tanah Melayu menyokong kesemua usaha di peringkat antarabangsa untuk mengawal harga bahan-bahan mentah. Penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Antarabangsa Bijih Timah membuktikan sikap ini dan Tanah Melayu telah menandatangani perjanjian bijih timah pada tahun 1960. Selain daripada tindakan ini, beberapa perjanjian perdagangan dua hala juga telah ditandatangani, contohnya, dengan Australia (1958), Jepun (1960), New Zealand (1961), UAR (1962) dan Korea Selatan (1963). Semua perjanjian ini bertujuan mengurangkan ataupun membuat potongan cukai untuk beberapa barang dalam perdagangan dua hala antara Tanah Melayu dengan negara-negara berkenaan. Misalnya, perjanjian dengan Australia membenarkan kemasukan import getah dan bijih dari Malaysia ke Australia tanpa cukai (J. Saravanamuttu 1982: 143).

Dari Pro-Barat ke Berkecuali

Dasar luar pro-Barat dan anti-Komunis Malaya selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963 juga mengalami perubahan, tidak secara mendadak, tetapi secara berperingkat-peringkat. Sekali lagi, faktor luaran dan dalaman telah mempengaruhi perubahan dasar luar Malaysia ini. Faktor luaran merujuk kepada perkembangan dalam politik antarabangsa, manakala faktor dalaman pula merujuk kepada pergolakan di dalam negeri yang ada kaitannya dengan perkembangan di luar sempadannya (Paridah Abd. Samad 1998: 124).

Dalam arena antarabangsa, era Perang Dingin menjelang awal tahun 1960-an sudah ada tanda akan berakhir. Di antara Amerika Syarikat dan Rusia, t

keinginan untuk berbaik-baik semula dan hidup secara aman damai walaupun mereka tetap bersaingenan antara satu sama lain. Istilah Perang Dingin kini digantikan dengan *détente*, iaitu satu perkataan Perancis bermaksud pengurangan ketegangan antara negara-negara (David Carlton dan Herbert M. Levine 1988: 53).

Kewujudan *détente* antara dua kuasa terbesar dunia telah memberi kesan kepada negara-negara lain termasuk Malaysia. Selama ini Malaysia adalah pro-Barat dan menganggap musuh Barat sebagai musuhnya. Tetapi apabila Amerika dan Rusia membaiki hubungannya, Malaysia terpaksa mengkaji kedudukannya. Tetapi perubahan dalam senario antarabangsa yang agak perlahan itu, tidak mudah untuk mempengaruhi Malaysia supaya menukar pendiriannya agar mengambil dasar luar yang tidak terlalu pro-Barat dan anti-Komunis. Perkembangan yang memberi pengaruh besar ialah pergolakan dalam negara (*Ibid.*).

Dalam tahun 1960-an, semasa pemerintahan Presiden John F Kennedy, pihak Amerika telah melakukan kesilapan apabila tidak menyokong pentadbiran Fidel Castro hanya kerana beliau menyokong pihak komunis di negaranya iaitu Cuba. Amerika hanya memberi tumpuan kepada segelintir rakyat Cuba yang diharap dapat membangunkan ekonomi Amerika di negara tersebut. Khrushchev mahukan *détente* antara Soviet-Rusia dan berharap kuasa Amerika dapat dipulihkan semula di samping melakukan pendakwaan ke atas China berhubung dengan kejadian revolusi (William E. Griffith 1971: 73).

Rusia terdahulu dari itu lagi merasa tidak puas hati dengan penempatan peluru berpandu jenis *Pershing* (*Pershing Missile*) di lima buah negara anggota pakatan Atlantik atau NATO di Eropah Barat. Meskipun penempatan peluru berpandu *Pershing* itu mendapat penentangan hebat daripada sebahagian besar rakyat di Britain dan Jerman Barat, kedua-dua kerajaan berkeras dan menyokong kehendak Amerika Syarikat (J.Wiley 1967).

Konfrontasi yang dilancarkan oleh Indonesia terhadap pembentukan Malaysia dan kesannya pada dasar luar Malaysia, serta keyakinan pemimpin yang berkuasa untuk mengawal pergerakan komunis dalam telah memberi kekuatan kepadanya untuk menghulurkan tangan persahabatan kepada negara-negara komunis di luar. Konfrontasi sebenarnya memberi kesan terhadap pemikiran dalam dasar luar Malaysia supaya ia menamatkan pendirian yang pro-Barat. Ini kerana sewaktu konfrontasi berlangsung, Malaysia dapat dalam forum-forum antarabangsa (terutamanya di kalangan Negara-negara Sedang Membangun), ia tidak mempunyai kawan. Kawan-kawan Malaysia adalah negara-negara Barat. Di kalangan Dunia Ketiga hampir tidak ada dan ini adalah tidak baik bagi imej Malaysia. Indonesia pula sebaliknya mempunyai ramai sahabat yang telah menyokong tindakannya mengganyang Malaysia dalam forum-forum antarabangsa. Keadaan seperti ini mendorong Malaysia mengkaji semula pendirian luarnya dalam interaksi dengan negara-negara lain. Dasar yang terlalu pro-Barat perlu ditamatkan segera (Paridah Abd. Samad 1998: 36-40; M. Sivaram 1972: 66).

Pendirian ini juga sesuai kerana adanya ancaman komunis yang ingin menukar wajah Malaysia. Selepas itu apabila berlaku *détente* antara Amerika dan Rusia, Malaysia merasakan dasar luar yang pro-Barat dan anti-Komunis tidak lagi sesuai. Kerana dua kuasa terbesar yang bersaingan antara satu sama lain memasuki era kemesraan, Malaysia perlukan dasar luar yang selari dengan perkembangan itu. Perkembangan dalam negara, terutama selepas konfrontasi berakhir dan selepas terdapat keyakinan dalam mengawal ancaman komunis dalaman juga menuntut perubahan dalam dasar luar yang boleh menjamin kedaulatan, keutuhan wilayah, kebebasan politik serta sistem hidupnya.

Keadaan itu pula dipermudahkan kerana di pihak Britain sendiri terdapat perubahan sikap dalam tanggungjawabnya menjaga keselamatan Malaysia melalui AMADA. Tidak lama selepas konfrontrasi, London mengumumkan dasar pengunduran tenteranya dari Timur Suez kerana kedudukan kewangan tidak mengizinkannya mengekalkan kehadiran angakatan tentera yang besar di kawasan-kawasan yang jauh dari negara itu. Ini bermakna AMADA akan ditamatkan dan Malaysia perlu memikul sendiri tanggungjawab menjaga keselamatannya daripada ancaman musuh dari dalam dan luar (*Far Eastern Economic Review* 14 November 1970).

ASEAN

Keanggotaan Malaysia dalam ASEAN telah bermula pada tahun 1967. (Sebelum ASEAN ditubuhkan, Malaysia telah menganggotai badan serantau yang dikenali

sebagai ASA (Association of Southeast Asia) bersama Filipina dan Thailand. ASEAN bukanlah satu pakatan tentera tetapi merupakan satu persetujuan bagi menjalinkan perhubungan antara Thailand, Malaysia, Singapura, Indonesia dan Filipina dengan kerjasama dalam bidang-bidang ekonomi, sosial dan politik (R.S Milne dan Diane K. Mauzy 1978: 310-313).

Konfrontasi juga memberi kesan yang positif terhadap kerjasama serantau. Malah, sebaik sahaja konfrontasi tamat, perbincangan bagi mewujudkan sebuah persatuan negara-negara bukan komunis Asia Tenggara mengakibatkan penubuhan ASEAN. Sejarah penubuhan ASEAN bermula bila satu pertemuan diadakan oleh lima buah negara Asia Tenggara di Bangkok. Ia dihadiri oleh wakil-wakil dari Malaysia, Singapura (menjelang waktu itu sudah berpisah dari Malaysia), Indonesia, Filipina dan tuan rumah iaitu Thailand. Pertemuan itu melahirkan Deklarasi Bangkok 1967 yang membawa kepada penubuhan ASEAN (*The New Straits Times* 16 Julai 1993; *Business Times* 6 Mei 1993).

Setiap negara mempunyai keutamaan tertentu dalam dasar luarnya dan segala keutamaan ini bergantung kepada kepentingan negara. Bagi Malaysia, ASEAN merupakan salah satu keutamaan dalam arah tujuan dasar luar negara. Malaysia lebih mementingkan pengukuhan ASEAN. Ini kerana sekiranya kestabilan ASEAN terjejas maka ini akan memberi kesan yang negatif kepada Malaysia (Tun Suffian 1981: 809-810).

Peralihan dasar luar Malaysia adalah sangat jelas apabila pada tahun 1968, Tun Dr. Ismail mengesyorkan kepada Parlimen apa yang dipanggil sebagai ‘Rancangan Keamanan Ismail’. Beliau menyeru kepada neutralisasi Asia Tenggara dengan dijamin oleh kuasa-kuasa utama, menandatangani perjanjian tidak bermusuhan dan mengisyiharkan dasar hidup bersama. Beliau berkata:

The time is ... ripe for the countries in the region to declare collectively the neutralization of Southeast Asia. To be effective, this must be guaranteed by the big powers, including Communist China. Second, it is time that the countries in Southeast Asia signed non-aggression treaties with one another. Now is also the time for the countries in Southeast Asia to declare a policy of co-existence in the sense that the countries ... should not interfere in the internal affairs of each other and do accept whatever form of government a country chooses to elect or adopt ... The alternative to neutralization of Southeast Asia guaranteed by the big powers ... is an open invitation by the region to the current big powers to make it a pawn in big power politics. The alternative to the signing of non-aggression treaties among the countries in the region is an arms race among themselves which would be detrimental to their economy. The alternative to the declaration of the policy of co-existence is increased tension and subversion in the region (*Federation of Malaysia 1968*).

Kementerian Luar Malaysia

Kementerian Luar Malaysia adalah di bawah bidang kuasa Menteri Hal Ehwal Luar. Pentadbirannya diketuai oleh Ketua Setiausaha yang mengarah fungsi Kementerian dalam soal pentadbiran atau polisi luar negara. Timbalan Ketua Setiausaha I

bertanggungjawab kepada Ketua Setiausaha dalam soal politik dan maklumat luar. Timbalan Setiausaha II pula bertanggungjawab dalam soal ekonomi dan Timbalan Setiausaha III bertanggungjawab tentang perkhidmatan, pentadbiran, kewangan, konsular dan hal ehwal utama. Ketua Protokol iaitu Ketua Pengarah ASEAN (Malaysia) dan Ketua Inspektorat juga bertanggungjawab terus dengan Ketua Setiausaha.

Dalam menjalankan tugas sebagai wakil luar negara, tugas Kementerian ini telah dijalankan oleh beberapa buah misi diplomatik dan konsular di beberapa buah negara di dunia ini (*Malaysia 1978 Official Year book*).

Peranan Elit Dalaman

Semasa zaman Tunku Abdul Rahman, elit dalaman itu terdiri daripada Tun Ismail, Tun Abdul Razak dan Tan Sri Ghazali Shafie. Pengaruh dan dominasi elit dalaman ini ke atas dasar luar dapat dikesan daripada peranan yang dimainkan oleh Menteri Luar Negara itu sendiri yang pada mulanya dipegang oleh Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Ismail dan kemudiannya Tan Sri Ghazali adalah orang yang paling diharap oleh pemimpin Malaysia. Dengan kata lain, peranan Tunku, Tun Razak, Tun Ismail dan Tan Sri Ghazali Shafie semacam terdapat ciri-ciri dasar luar negeri (Ahmad Atory Hussain 1990: 157).

Bagi kedua-dua era, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak, terdapatnya suatu ciri yang serupa iaitu peranan dan pengaruh mereka berlebihan di bidang dasar

luar Malaysia. Murugesu (1986) telah mengemukakan dua sebab utama bagi menghuraikan kedominan dan keunggulan personaliti Perdana Menteri dalam hal ehwal luar negeri. Sebab pertama ialah akibat daripada fakta bahawa infrastruktur pentadbiran dan diplomatik yang perlu bagi pembentukan dan perjalanan sesebuah jabatan hal ehwal luar harus bermula daripada sembarang atau apa yang ada sahaja.

Oleh itu, pengaruh dan inisiatif Tunku mengenai penglibatan nasional di kalangan komuniti antarabangsa tidak disekat sama ada oleh suatu golongan yang khusus dalam perikatan atau dalam UMNO itu sendiri yang mengambil berat hal-ehwal luar. Bagi Kementerian Luar Negeri, oleh kerana ia baru ditubuhkan dan mempunyai bilangan pegawai kanan yang kecil pada masa itu, ia tidak berkeupayaan bersaing dengan Tunku dalam konteks memberi idea-idea dan cadangan-cadangan yang berlainan dalam bidang dasar luar (Ahmad Atory Hussain 1990:156-1570).

Peranan Elit Luaran

Gambaran dominasi golongan elit itu adalah kurang lengkap jika peranan Menteri-menteri Kabinet, ahli-ahli Parlimen serta pegawai Kementerian Luar Negara (KLN) tidak diambil kira. Di bawah adalah peranan masing-masing:

1. Menteri-menteri Kabinet. Selama ini kabinet Malaysia pada amnya tidak mempunyai satu impian yang tegas ke atas formulasi dasar luarnya. Walaupun ahli-ahli yang menganggotai elit dalam itu berpeluang mengenakan sedikit sebanyak pengaruh ke atas pembentukan dasar luar negeri.

Dikatakan juga bahawa banyak keputusan mengenai luar negeri dibuat di luar kabinet, terutama dalam masa pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Lazimnya sesuatu keputusan itu diambil melalui hubungan-hubungan yang tidak formal di antara menteri-menteri sebelum mesyuarat kabinet. Keputusan itu biasanya sebagai formaliti sahaja (Ibid.:158).

2. Ahli-ahli Parlimen adalah menjadi satu kelaziman di negara-negara yang sedang membangun di mana badan perundangan/legislatif selalunya ketinggalan dalam memulakan inisiatif-inisiatif dasar luar. Di dalam perhimpunan-perhimpunan Agung UMNO atau mesyuarat Bahagian UMNO juga, ahli-ahli kurang membincangkan hal-hal luar negeri kerana kebanyakan ahli tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai hal ehwal luar negeri (Ibid.).

3. Kementerian Luar telah banyak membantu menapis dan melaksanakan dasar luar Malaysia. Mulai tahun 1959 sehingga tahun 1970 peranan Tan Sri Ghazali Shafie yang menyandang jawatan Setiausaha Tetap telah diperihalkan oleh Marvin Ott sebagai “arkitek” dasar luar Malaysia yang paling unggul dan berpengaruh selepas Tunku (Marvin Ott 1972: 231-234).

Seperti ditunjukkan dalam perbincangan di atas, bidang dasar luar Malaysia pada dasarnya menjadi keutamaan hanya empat atau lima orang elit dalaman. Golongan ini benar-benar boleh diumpamakan sebagai orang yang berkuasa dalam membentuk dasar luar Malaysia (Ibid.).

Dasar luar jarakmasa ini berkisar kepada peristiwa konfrontasi dengan Indonesia yang berlaku sebaik sahaja Malaysia ditubuhkan. Pada Januari 1963, Menteri Luar Indonesia Dr. Subandrio mengumumkan secara rasmi dasar konfrontasi ini dengan menuduh bahawa cadangan Malaysia adalah satu skim ‘neo-kolonialis’ dan ‘neo-imperialis’. Pada ketika itu, Filipina pula telah membuat tuntutannya semula ke atas Sabah yang disyorkan memasuki persekutuan Malaysia. Kedua-dua peristiwa ini bertambah buruk dengan satu pemberontakan di Brunei, Sabah dan Sarawak. Pemberontakan Azahari ini telah dapat dikawal dengan bantuan ketenteraan British atas permintaan Sultan Brunei. Selepas pemberontakan ini soal Malaysia tidak timbul sehingga pengisytiharaan pembentukan Malaysia dibuat pada 16 September 1963. Pemberontakan ini melibatkan askar-askar komanwel dengan Tentera Nasional Kalimantan Indonesia (A. Kadir Jasin 1993; J. Saravanamuttu 1982: 144).

Keadaan huru-hara ini memuncak pada tahun 1964 apabila anggota tentera Indonesia bertapak di beberapa kawasan pantai Semenanjung Malaysia dari udara dan laut. Konfrontasi berlaku terus-menerus dan hanya berkurangan setelah peristiwa GESTAPU 1966 tercetus di Indonesia. Pada 11 Ogos 1966 satu perjanjian ditandatangani antara Indonesia dan Malaysia untuk menamatkan segala kegiatan permusuhan dan membaharui ‘semula hubungan diplomatik’ (PINTAR J.2; *Far Eastern Economic Review* 9 Mac 1967). Sebelum ini hubungan diplomatik telahpun diperbaiki dengan Filipina pada bulan Jun. Semasa tiga tahun permusuhan, seramai 590 rakyat Indonesia terbunuh, 222 cedera dan 771 ditangkap. Manakala bagi pihak Malaysia dan sekutu-sekutu komanwel (Britain, Australia dan New Zealand) seramai 232 anggota tentera dan 89 orang awam terkorban (J. Saravanamuttu 1982: 145).

Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Utama

Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Utama adalah mengendalikan soal politik dan lain-lain bahagian Kementerian tersebut dan juga sebagai misi luar negara dengan berbagai perkhidmatan sokongan sejajar dengan pentadbiran, perhidmatan, penubuhan, kewangan dan bekalan bagi menjamin fungsi Kementerian dan Misi yang lebih licin dan lancar. Bahagian ini berkerjasama dengan keperluan pentadbiran kakitangan dari Kementerian Pertahanan, Perdagangan dan Industri, Pendidikan, Jabatan Imigresen dan jabatan-jabatan lain kerajaan yang mempunyai hubung kait dengan misi luar Malaysia (*Malaysia 1978 Official Year book*).

Bahagian Inspektorat

Bahagian Inspektorat membantu Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Utama dalam penggunaan sumber sesuai dalam menentukan bahawa misi luar negara berfungsi licin dan memuaskan. Bahagian Inspektorat juga menjalankan audit dan penyiasatan pengurusan dalaman dan bertanggungjawab terhadap kebajikan kakitangan yang ditugaskan di dalam negara dan yang digaji oleh negara-negara tempatan. Bahagian ini mengkaji dan memperbaharui elauan luar negara, terma dan peraturan perkhidmatan dan gaji kakitangan yang dilantik oleh negara-negara tertentu, sewa rumah dan belanjawan bagi sesuatu misi (*Ibid.*).

Bahagian Protokol Dan Perjanjian

Fungsi asas Bahagian ini ialah untuk mengawasi kebijakan masyarakat diplomatik yang tinggal di Kuala Lumpur. Fungsi ini meliputi proses keutamaan diplomatik, kemudahan dan kekebalan sejajar dengan peruntukan Konvensyen Vienna tentang Hubungan Diplomatik dan seperti mana dilaksanakan dari semasa ke semasa oleh perundangan dan peraturan tempatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab ke atas aduan dan ahli-ahli Kor Diplomatik (Ibid.).

Bahagian ini juga bertanggungjawab ke atas lawatan rasmi para pemimpin negara dan kerajaan. Bahagian ini juga membantu bahagian-bahagian lain di dalam Kementerian Luar dalam merancang senarai lawatan menteri, kerabat di-raja dari negara luar dan juga wakil-wakil khas. Bahagian ini turut bertanggungjawab bagi lawatan rasmi Yang Di-Pertuan Agong ke negara-negara luar dengan kerjasama dengan kementerian-kementerian lain dan juga bahagian lain di dalam Kementerian Luar. Bahagian ini juga bertanggungjawab merancang lawatan rasmi Perdana Menteri ke luar negara. Bahagian protokol dan perjanjian ini juga bertanggungjawab dalam memberi watikah kepada Ketua Misi Luar Negara dan menyusun jadual pertemuan penyerahan watikah mereka kepada Yang Di-Pertuan Agong (Ibid.).

Sekiranya perlu, watikah Suruhanjaya Tinggi Malaysia atau Duta dan mereka yang telah menjadi wakil khas negara sebelum ini akan disediakan oleh Bahagian tersebut. Bahagian Protokol dan Perjanjian juga menyediakan Surat Perlantikan Konsul Malaysia; watikah perlantikan duta-duta asing ke Malaysia; dan penyediaan

surat-surat rasmi bagi semua menteri dan pegawai kerajaan Malaysia yang menghadiri persidangan-persidangan antarabangsa (Ibid.).

Penelitian tentang format surat perjanjian, penjilidan dan penyimpanan beberapa siri surat perjanjian dan menganjurkan majlis menandatangani surat perjanjian juga merupakan tanggungjawab Bahagian ini.

Bahagian Protokol dan Perjanjian dipecahkan kepada tiga seksyen iaitu:

Seksyen Hak Istimewa

Seksyen Majlis dan Jemputan

Seksyen Surat Perjanjian

Pejabat-pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Agensi-agensi Khas badan dunia tersebut yang mempunyai misi mereka di Malaysia diberi hak istimewa diplomatik atau kemudahan-kemudahan seumpama itu di bawah pemerhatian Bahagian ini jika hak istimewa atau kemudahan tersebut adalah berhubungan.

Ketua Protokol ialah Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Tugas-tugas Rasmi Pusat yang menganjurkan semua majlis rasmi yang diadakan oleh Kerajaan Pusat. Ini termasuklah Lawatan Rasmi ke oleh pemimpin-pemimpin luar ke negeri-negeri di Malaysia dan Lawatan Rasmi Perdana Menteri (Ibid.).

Wakil Luar di Malaysia

Wakil luar di Malaysia boleh diklasaskan kepada:

Wakil Diplomatik

Wakil Konsular

Wakil Perdagangan

Wakil Bangsa-bangsa Bersatu dan Agensi-agensi Khas (Ibid.).

Bahagian Perjanjian

Fungsi Bahagian Perjanjian sebagai sebahagian dari Bahagian Protokol dan bahagian ini memberi nasihat kepada bahagian-bahagian lain di dalam Kementerian Luar dalam menyiapkan surat perjanjian antara Malaysia dan negara-negara luar. Bahagian ini menilai beberapa buah perjanjian dan menyediakan surat perjanjian untuk ditandatangani. Bahagian ini juga membantu menyusun segala majlis menandatangani surat-surat perjanjian. Bahagian ini juga memproses dan mengeluarkan watikah kepada delegasi Kerajaan yang menghadiri persidangan dan mesyuarat antarabangsa. Bahagian Perjanjian turut mengeluarkan Surat Kuasa bagi pegawaи-pegawai kerajaan untuk menandatangani perjanjian bagi pihak Kerajaan Malaysia (Ibid.).

Malaysia merupakan salah sebuah negara ahli kepada Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sejak 1957 lagi. Menjelang 16 September 1974 semasa Perhimpunan Agung mengadakan sesi ke-30, Malaysia sudah menjadi ahli pertubuhan itu selama 18 tahun.

Sebagai tambahan, Malaysia juga menjadi ahli kepada agensi-agensi khusus yang berikut:

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO).

Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO).

Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Budaya Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO).

Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).

Pertubuhan Kajiciuaca Dunia (WMO).

Pertubuhan Perundingan Maritim Antarabangsa (IMCO).

Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

Maklumat Luaran

Tugas mendapatkan maklumat Malaysia di luar negara dilakukan oleh Bahagian Maklumat Luaran. Tugas keseluruhannya ialah untuk menonjolkan imej Malaysia sebagai sebuah negara merdeka, berdaulat, demokratik yang tidak mengamalkan sikap prejedis terhadap bangsa dan ugama masyarakatnya yang berbilang kaum ini, rakyat yang sentiasa mengejar kemajuan ekonomi dan sosial serta budaya, negara yang inginkan kedamaian seluruh dunia, meningkatkan sifat muhibbah, kerjasama dan persefahaman dengan semua negara yang inginkan keamanan tanpa mengira sistem politik, sejajar dengan cita-cita dan tujuan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kerjasama serantau dan menentang sebarang bentuk sifat perkauman dan penjajahan. Tugas ini dilakukan dengan menyebarkan maklumat tentang Malaysia ke seluruh pelusuk dunia dengan mempertingkatkan kefahaman tentang negara ini, insitusinya,

polisi dan juga program negara ini. Bahagian ini juga menjalankan tugas memperingkatkan hubungan kebudayaan dan keugamaan serta memperbetulkan segala salah anggap dan salah tafsir tentang Malaysia dalam usaha menonjolkan gambaran sebenar yang tidak akan menganggu promosi pelaburan, perdagangan dan juga pelancongan. Terdapat 16 orang Pegawai Penerangan di dalam misi utama luar negara untuk menjalankan tugas ini dan untuk memberi maklumbalas agar pihak akhbar dan *public opinion* di negara-negara asing boleh memperolehnya (*Ibid.*).

Dalam usaha mencapai objektif-objektif ini, Bahagian Maklumat Luaran menerbitkan sejumlah penerbitan seperti *Foreign Affairs Malaysia*, sebuah penerbitan dokumen empat kali setahun tentang polisi dasar luar Malaysia; *Malaysian Panorama*, sebuah majalah bergambar tentang kesenian, kebudayaan dan industri Malaysia yang diterbitkan empat kali setahun; dan *Malaysia in Brief*, yang lebih merupakan maklumat asas tentang Malaysia yang terbitkan dalam Bahasa Inggeris, Arab, Jepun, Jerman dan Perancis untuk diedarkan di luar negara. Kalendar dan buku harian yang memaparkan kehidupan biasa di Malaysia juga diterbitkan. Sebagai tambahan, brosur dan lain-lain penerbitan telah diterbitkan dari semasa ke semasa dan dimasukkan ke dalam fail-fail para pemimpin kerajaan luar negara dan juga mereka yang menghadiri mesyuarat yang diadakan di Kuala Lumpur. Bahagian ini juga bertanggungjawab bagi penerbitan *Malaysian Digest*, sebuah akhbar tentang kejadian dan kehidupan di Malaysia yang diterbitkan dua minggu sekali untuk pembaca umum dan para pelajar Malaysia di luar negara. Lebih 30,000 naskhah akhbar ini diedarkan seluruh dunia melalui misi diplomatik Malaysia. Bahagian ini juga bertanggungjawab dalam mengedarkan sebuah akhbar bulanan bertajuk *Malaysia* yang diterbitkan dalam

Bahasa Malaysia dan Inggeris yang disasarkan kepada para pelajar Malaysia di luar negara (*Ibid.*).

Bahagian Maklumat Luaran juga menerbitkan kenyataan akhbar bagi Kementerian Luar, menyusun persidangan akhbar dan membantu para wartawan luar negara, ahli akademik dan para pemimpin yang melawat negara ini sebagai tetamu kerajaan Malaysia. Bahagian ini membekalkan maklumat kepada para tetamu tersebut tentang Malaysia dan membantu mereka bertemu para pemimpin kerajaan Malaysia. Bahagian ini juga menerbitkan koleksi tetap artikel dan juga komen utama akhbar luar negara tentang Malaysia dan yang mempunyai topik hangat bagi pengedaran terhad di kalangan para pemimpin Malaysia. Bahagian ini menerbitkan kertas-kertas rujukan serta latarbelakang dan meminta maklumat tentang polisi luar dan polisi dalam negeri dari misi dan juga rakyat Malaysia yang berada di luar negara. Misi luar negara Malaysia dibekalkan dengan bahan maklumat terkini dan juga garispanduan tentang berita utama melalui telegram akhbar harian dalam usaha menyedarkan mereka tentang perkembangan penting di Malaysia. Filem, slaid, foto dan pita rakaman terpilih tentang muzik Malaysia dan juga contoh kesenian dan kraftangan Malaysia dihantar dari semasa ke semasa (*Ibid.*).